

Nota Kadar Apungan RM300 juta

KUALA LUMPUR: Cagamas Bhd, perbadanan gadai janji negara Malaysia, menerbitkan Nota Kadar Apungan (FRN) setahun bernilai RM300 juta. Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Chung Chee Leong berkata hasil daripada terbitan itu akan digunakan untuk membiayai pembelian pinjaman gadai janji daripada sistem kewangan.

"FRN berjaya dimuktamadkan menerusi penawaran saham persendirian dan harga ditetapkan dengan kompetitif pada lima mata asas berbanding kadar penanda aras KLIBOR tiga bulan," katanya dalam satu kenyataan

semalam.

Chung berkata FRN jangka pendek itu merupakan pelaburan alternatif menarik bagi pelabur untuk mengurangkan pendedahan risiko kadar faedah dalam persekitaran kadar faedah yang meningkat.

Nisbah bida kepada perlindungan 2.5 kali dan 3.4 kali masing-masing bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) 15 tahun RM4 billion dan Terbitan Pelaburan Kerajaan 10 tahun RM4 billion menunjukkan terdapat mudah tunai besar dan permintaan bagi bon pelaburan gred tinggi dalam sistem kewangan domestik, katanya.

- Bernama